



Orang ramai menghadiri majlis pelancaran projek Rumah Mampu Milik Melaka yang terletak di Durian Tunggal, Alor Gajah baru-baru ini.

Scientex lancar rumah mampu milik di Melaka

➔ Tawar kediaman teres dua tingkat bermula RM145,350

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nstp.com.my

Pemaju hartanah, Scientex Bhd menerusi anak syarikatnya, Scientex Heights Sdn Bhd melancarkan 116 unit rumah teres dua tingkat di Melaka yang dijual pada harga bermula dari RM145,350.

Projek itu dilancarkan di bawah skim Rumah Mampu Milik Melaka (RMM) yang terletak di Durian Tunggal, Alor Gajah.

Pengarah Urusannya, Lim Peng Jin, berkata projek RMM itu bertujuan menangani peningkatan permintaan rumah mampu milik tetapi berkualiti

tinggi di Melaka.

Selain itu, katanya ia juga sebagai tanda sokongan kepada kerajaan negeri dalam menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat negeri itu.

1,200 unit sudah disiapkan

"RMM terbaru yang dilancarkan ini memiliki keluasan binaan 1,154 kaki persegi (kps) dengan tiga bilik tidur dan dua bilik mandi walaupun luas tanah yang terhad, iaitu 16x60 kps.

"Harga jualan bermula dari RM145,35 menjadikannya rumah teres dua tingkat paling mampu milik di kawasan baharu sedang membangun di negeri ini," katanya pada majlis pelancaran projek itu baru-baru ini.

Pelancaran fasa baharu projek pembangunan itu dilancarkan oleh EXCO Perumahan Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Tey Kok Kiew dan EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam negeri, Mohd Sofi Abdul Wahab.

Mengulas lanjut, Peng Jin berkata, pihaknya mengulangi komitmen Scientex terhadap pembangunan hartanah di Melaka dengan sehingga kini sudah menyiapkan hampir 1,200 unit rumah mampu milik.

"Syarikat menyasarkan untuk membina 50,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara menjelang 2028, dan sehingga kini sudah membina lebih 16,000 unit," katanya.